

DATUK SERI DR. MAHATHIR - TEGAS SEJAK KECIL DAN PERNAH MENJADI PENIAGA BIASA

OLEH SYED IMRAN ALSAGOFF

08/07/1981

MAHATHIR 1

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMPUNYAI PENDIRIAN HIDUP YANG TEGAS SEJAK DIBANGKU SEKOLAH LAGI DAN MEMEGANG FALSAFAH APA ORANG LAIN BOLEH BUAT DIA JUGA BOLEH.

SEJAK MUDA LAGI, DR. MAHATHIR JUGA BERSIKAP RAJIN BELAJAR DAN CERDIK.

ALLAHYARHAM BAPANYA, MOHAMAD BIN ISKANDAR, BERHIJRAH DARI PULAU PINANG KE KEDAH DIMANA DR. MAHATHIR DILAHIRKAN. DR. MAHATHIR IALAH ANAK BONGSU DI KAANGAN SEMBILAN ORANG ADIK-BERADIK.

BELIAU MENDAPAT DIDIKAN AWAL DI SEKOLAH MELAYU (LELAKI) SEBERANG PERAK SELAMA DUA TAHUN SEBELUM MEMASUKI GOVERNMENT ENGLISH SCHOOL SEHINGGA LULUS SENIOR CAMBRIDGE.

PELAJARANNYA DI G.E.S. TERGANGGU HAMPİR EMPAT TAHUN KERANA EPERANG DUNIA KEDUA MENGAKIBATKAN KEJATUHAN MALAYA KE TANGAN ENTERA JEPUN.

OLEH KERANA DR. MAHATHIR TIDAK SANGGUP BERDIAM DIRI, BELIAU TELAH MEMINTA KEBENARAN DARI BAPANYA UNTUK BERNIAGA MENGSIKAN MASA LAPANGNYA KETIKA TIDAK BERSEKOLAH. - RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG 0800/BW

B503

MAHATHIR 2 (RENCANA BERNAMA)

BIDANG PERNIAGAAN PERTAMA YANG DICEBURINYA IALAH MEMBUKA SEBUAH GERAI MENJUAL KOPI DAN KUIH BERSAMA DUA ORANG SAHABAT KARIBNYA, ENCIK JOHARI MOHAMAD TAIB (PAK JO) DAN ENCIK NOORMADAR (NANA).

GERAI KOPI TERSEBUT TERLETAK DI TEPI SEBATANG SUNGAI BERHAMPIRAN PEKAN RABU. TEMPAT TERSEBUT SEKARANG MENJADI PADANG LETAK KERETA PEJABAT TANAH KOTA SETAR.

MENURUT PAK JO YANG DITEMUI DI GERAINYA DI PEKAN RABU, DATUK SERI DR. MAHATHIR IALAH SEORANG YANG RAJIN MEMBACA.

+CHE DET (MAHATHIR) TIDAK LEKANG DENGAN BUKU. KALAU TAK ADA APA NAK DIBUAT, DIA DUDUK BACA BUKU, + DEMIKIAN DITEGASKAN OLEH AK JO YANG KINI MASIH KUAT DAN GIGIH MENJALANKAN PERNIAGAAN DI PEKAN RABU.

PAK JO, 63 TAHUN, MENSIFATKAN DR. MAHATHIR SEBAGAI SEORANG YANG TEGAS, JUJUR DAN SUKA BERTERUS-TERANG.

+CHE DET AKAN MEMBAWA BUKU-BUKUNYA KE GERAI KOPI DAN JIKA DIA LAPANG, DIA TIDAK AKAN DUDUK SAJA, DIA AKAN BACA BUKU, + PAK JO MENINGATKAN KEMBALI ZAMAN MUDA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PAK JO MASIH INGAT BAHAWA SEWAKTU DR. MAHATHIR MENJUAL KOPI DI GERAI TERSEBUT, DIA SELALU DIKUNJUNGI OLEH ENCIK MOHAMAD KHIR JOHARI, BEKAS MENTERI KABINET DAN ENCIK ZULKIFLI HAJI HASHIM (SEKARANG BERADA DI PAHANG DAN RAKAN PERJUANGAN DALAM UMNO). - RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG 0804/BW

B504

MAHATHIR 3 (RENCANA BERNAMA)

SELEPAS MENJALANKAN PERNIAGAAN GERAI KOPI, DR. MAHATHIR, PAK JO DAN NANA MEMBUKA SEBUAH GERAI MENJUAL BUAH-BUAHAN DAN BARANG-BARANG ANYAMAN DI PEKAN RABU.

MEMANDANGKAN KEMAMPUAN DAN KECEKAPANNYA, DR. MAHATHIR TELAH DILANTIK OLEH PAK JO DAN NANA SEBAGAI PENGURUS PERNIAGAAN MEREKA.

+CHE DET MACAM SELALU, BACA BUKU KALAU TAK ADA PELANGGAN UNTUK DILAYAN, + JELAS PAK JO.

PAK JO BERKATA DALAM ENGALAMANNYA MENJALANKAN PERNIAGAAN BERSAMA DR. MAHATHIR, BELIAU DAPATI DR. MAHATHIR MEMPUNYAI KEMAMPUAN SEBAGAI SEORANG PENIAGA YANG CEKAP DAN PINTAR.

DR. MAHATHIR JUGA SERING MEMBERI PERHATIAN BERAT TERHADAP MASALAH YANG DIHADAP OLEH PENIAGA-PENIAGA MELAYU DI PEKAN RABU DAN TIDAK SEGAN-SEGAN MEMBERI PANDANGANNYA UNTUK MENGATASI MASALAH TERSEBUT.
- BERSAMBUNG 0809/BW

72

B505

MAHATHIR 4 (RENCANA BERNAME)

MENURUT PAK JO, SIFAT PEMBELA, TEGAS DAN JUJUR YANG TERDAPAT PADA DR. MAHATHIR JELAS TERLIHAT SEMASA BELIAU MENJADI PENIAGA DI PEKAN RABU.

PERNIAGAAN DR. MAHATHIR TERHENTI SETELAH PERANG DUNIA KEDUA TAMAT DAN MALAYA DIPERINTAH KEMBALI OLEH INGGERIS.

DR. MAHATHIR MENERUSKAN PELAJARANNYA DI GOVERNMENT ENGLISH SCHOOL, ALOR SETAR PADA TAHUN 1945 SEHINGGA LULUS PEPERIKSAAN SENIOR CAMBRIDGE.

PADA TAHUN 1948, DR. MAHATHIR MELANJUTKAN PELAJARAN DALAM BIDANG PERUBATAN DI RAFFLES COLLEGE, SINGAPURA.

DR. MAHATHIR MEMASUKI PERKHIDMATAN KERAJAAN PADA TAHUN 1954 DAN DITUGASKAN DI HOSPITAL ALOR SETAR. PADA TAHUN 1956, DR. MAHATHIR BERTUGAS SEBAGAI PEGAWAI PERUBATAN (M.O.) DI LANGKAWI SELAMA ENAM BULAN SEBELUM KEMBALI BERTUGAS DI HOSPITAL ALOR SETAR. - RENCANA BERNAME BERSAMBUNG 0814/BW

B506

MAHATHIR 5 (RENCANA BERNAME)

PADA TAHUN 1957, DR. MAHATHIR MELETAKKAN JAWATAN DENGAN KERAJAAN DAN MEMBUKA KLINIKNYA SENDIRI, MAHA KLINIK, DI JALAN TUNKU IBRAHIM.

MENURUT ENCIK ABDULLAH BIN PA'CHIK ATAU PAK LAH, 64 TAHUN, YANG MULA BERTUGAS DI MAHA KLINIK SEJAK IANYA DITUBUHKAN, DR. MAHATHIR JUGA MERUPAKAN SEORANG YANG PEMURAH.

DR. MAHATHIR TIDAK AKAN MENGENAKAN APA-APA BAYARAN KEPADA PESAKIT YANG MENGUNJUNGI KLINIKNYA TETAPI TIDAK MAMPU UNTUK MEMBAYAR BELANJA RAWATAN.

PAK LAH JUGA MEMBERITAHU BAHAWA JIKA SESEORANG PESAKIT ITU TIDAK MEMPUNYAI WANG YANG CUKUP, DR. MAHATHIR TIDAK MEMAKSA IA MEMBUAT BAYARAN TETAPI MENERIMA SEKADARMANA YANG MAMPU DIBAYAR OLEH PESAKIT ITU SAMA ADA 10 SEN, 50 SEN ATAU PUN \$1.

MENURUT PAK LAH, PADA TAHUN 1957 CUMA TERDAPAT LIMA BUAH KLINIK SAHAJA DI ALOR SETAR DAN MAHA KLINIK MERUPAKAN YANG PERTAMA DIBUKA OLEH SEORANG DOKTOR MELAYU. - RENCANA BERNAME BERSAMBUNG 0819/BW

B507

MAHATHIR 6 (RENCANA BERNAME)

MEMANDANGKAN HAKIKAT TERSEBUT, KLINIK DR. MAHATHIR MENJADI TUMPUAN RAMAI, TERUTAMA ORANG-ORANG MELAYU YANG DATANG DARI ALOR SETAR DAN BANDAR-BANDAR LAIN DI SEKITARNYA.

KLINIK TERSEBUT TELAH DIPINDAHKAN KE PEKAN MELAYU PADA TAHUN 1959 UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH.

PAK LAH BERKATA SEJAK DR. MAHATHIR MEMBUKA KLINIKNYA HINGGA SEKARANG, BELIAU TIDAK PERNAH MEMEGANG WANG KLINIK SEBALIKNYA MENYERAHKAN TUGAS TERSEBUT KEPADA ABANG IPARNYA, ALLAHYARHAM PAK HASSAN DAN SELEPAS ITU KEPADA PAK LAH SENDIRI.

+ INILAH SATU SIFAT DR. MAHATHIR YANG MULIA SEKALI. JIKA DIA PERCAYA SESEORANG ITU, DIABENAR-BENAR MENGHARAPKAN KEPADA KEPERCAYAANNYA ITU WALAUPUN SOAL WANG RINGGIT, + JELAS PAK LAH.

SEBAGAI SEORANG MAJIKAN, DR. MAHATHIR TIDAK SUKA KAKITANGANNYA MEMBUANG MASA ATAU BERSEMBANG. BELIAU MAHUKAN MEREKA MENJALANKAN UGAS DENGAN BETULDAN AMANAH, TERANG PAK LAH. - RENCANA BERNAME BERSAMBUNG 0822/BW

B508

MAHATHIR 7 (RENCANA BERNAMA) 213
SEMASA DR. MAHATHIR BERNIAGA DI PEKAN RABU, BELIAU TELAH MENDAPAT KEPERCAYAAN RAMAI DAN DILANTIK SEBAGAI SALAH SEORANG AHLI JAWATAN-KUASA PENTADBIRNYA.

HUBUNGAN DR. MAHATHIR DENGAN PEKAN RABU TIDAK DAPAT DIPISAHKAN HINGGA SEKARANG DIMANA BELIAU MENJADI PENAUNG KOPERASI PEKAN RABU.

PENIAGA-PENIAGA DI PEKAN RABU AMAT BERTUAN KERANA ATAS JASA DR. MAHATHIR, MEREKA SEKARANG DAPAT MENIKMATI RUANG PERNIAGAAN YANG MODEN BAGI MENGGANTIKAN BANGUNAN LAMA YANG TERBAKAR. BANGUNAN KOPERASI PEKAN RABU YANG MENELAN BELANJA BERJUTA-JUTA RINGGIT ITU DIBINA ATAS DAYA USAHA DAN SOKONGAN DR. MAHATHIR SENDIRI.

PAK JO, BAGI PIHAK SELURUH PENIAGA DI PEKAN RABU MERAKAMKAN RASA TERIMA KASIH MEREKA KEPADA DR. MAHATHIR.

+PAK JO PERCAYA CHE DET AKAN MENJADI PERDANA MENTERI YANG CEKAP DAN DAPAT MEMBAWA BANYAK KEMAJUAN KEPADA BANGSA DAN NEGARA. BELIAU TIDAK SOMBONG DAN SELALU MEMENTINGKAN HAL BANGSA DAN NEGARA, + TERANG BEKAS RAKAN PERNIAGAANNYA ITU DENGAN BANGGA. - RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG 0829/BW

B509

MAHATHIR 8 (RENCANA BERNAMA)

SUNGGUHPUN DR. MAHATHIR SEKARANG MEMEGANG JAWATAN TINGGI DALAM KERAJAAN, NAMUN BELIAU MASIH MEMBERI PERHATIAN TERHADAP KEMAJUAN DAN PERKEMBANGAN PEKAN RABU.

+CHE DET SEKARANG MASIH SEPERTI CHE DET DULU. DIA TAK SOMBONG, TAK MEGAH DIRI DAN TAK LUPA KEPADA KAWAN-KAWAN LAMANYA, + KATA PAK JO.

+BUKTYNYA ADA. CHE DET SELALU SINGGAH DI PEKAN RABU BILA DIA BALIK KE KEDAH. CHE DET TAK LUPA ORANG-ORANG PEKAN RABU. DIA TAK LUPA PAK JO YANG SAMA-SAMA JUAL GORENG PISANG, BUAH DAN KOPI, + JELAS PAK JO.

DALAM PERNIAGAAN, DR. MAHATHIR SELALU MENINGATKAN ORANG-ORANG MELAYU SUPAYA BERMULA DARI BAWAH, DARI KECIL-KECILAN UNTUK MENIMBA PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN. - RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG 0833/BW

B510

MAHATHIR 9 (RENCANA BERNAMA)

PAK LAH PULA DAPAT MEMBERI GAMBARAN SEDIKIT SEBANYAK TENTANG KELUARGA DR. MAHATHIR KERANA BELIAU MEMPUYAI HUBUNGAN YANG AGAK RAPAT DENGAN KELUARGA MOHAMAD ISKANDAR.

MENURUT PAK LAH, BAPA DR. MAHATHIR DATANG DARI PULAU PINANG DAN MULA MENGAJAR DI GOVERNMENT ENGLISH SCHOOL PADA TAHUN 1908.

KATANYA, PADA WAKTU ITU NAMA MOHAMAD ISKANDAR AMAT TERKENAL DI NEGERI KEDAH DAN TIDAK DAPAT DIPISAHKAN DENGAN PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN PELAJARAN DI NEGERI ITU.

PAK LAH BERKATA SELAIN DARI BERKHIDMAT SEBAGAI SEORANG GURU DI KEDAH, BAPA DR. MAHATHIR JUGA PERNAH MENGAJAR DI PERAK, SELANGOR, JOHOR DAN PAHANG.

ALLAHYARHAM MOHAMAD ISKANDAR JUGA PERNAH BERKHIDMAT DI JABATAN AUDIT SEHINGGA BERSARA PADA TAHUN 1931. ALLAHYARHAM MENINGGAL DUNIA PADA TAHUN 1961 KETIKA BERUSIA 84 TAHUN.

PAK LAH BERKATA DENGAN MEMPUYAI LATAR BELAKANG YANG TERSENDIRI, DR. MAHATHIR SUDAH PASTI AKAN DAPAT MENUNAIKAN TUGASNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI DENGAN CEMERLANG DAN BERJAYA. - RENCANA BERNAMA BERSAMBUNG 0835/BW